

## POINTERS UCAPAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

PROGRAM TURUN PADANG KPWKM EDISI NEGERI SARAWAK  
*#BerambahKPWKM*

17 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)  
9.30 PAGI – 11.30 PAGI

**PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA BERSAMA PELATIH PUSAT  
PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) SENTUHAN KASIH  
KUCHING, SARAWAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

**SALUTASI** (*akan diberikan semasa program*)

### **PENDAHULUAN**

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Program Ramah Mesra Bersama Pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Sentuhan Kasih, Kuching** sebagai salah satu aktiviti dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Sarawak** pada hari ini.
2. **Terima kasih kepada PDK Sentuhan Kasih** kerana sudi menerima kunjungan kami untuk lebih mendekati OKU golongan istimewa kita di

sini sebagai salah satu kumpulan sasar utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3. Fungsi PDK:

- **Menggalakkan sikap prihatin**, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan orang kurang upaya (OKU).
- Mengembleng **sumber tempatan untuk pemulihan OKU** melalui penggunaan cara yang mudah dan teknik yang diterima, murah, efektif dan sesuai dengan keadaan setempat; serta
- Menggunakan **infrastruktur organisasi tempatan** yang sedia ada untuk memberi perkhidmatan.

4. Setakat ini sebanyak **55 buah PDK telah diwujudkan di Sarawak** dengan **seramai 2,205 Pelatih** di bawah peruntukan sebanyak RM6.3 juta.

5. Menggalakkan lebih banyak **kerjasama antara komuniti dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat** untuk pembangunan OKU – dengan pewujudan PDK.

6. Di peringkat Persekutuan, terdapat **Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan** oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

7. Digalakkan pemimpin masyarakat, Ketua Masyarakat/Ketua Kaum boleh memainkan peranan dalam **mengenal pasti isu dan keperluan OKU setempat.**
8. Isu-isu ini boleh disampaikan kepada pemimpin masyarakat yang turut sama hadir pada hari ini untuk diketengahkan sebagai perhatian Kerajaan dan KPWKM khususnya.
9. Sokongan Kerajaan kepada OKU menerusi **bantuan khas RM300 di bawah PENJANA** yang memanfaatkan 190,000 OKU dalam kategori:
  - Penerima Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC);
  - Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB); dan
  - Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).
10. Jumlah **OKU berdaftar dengan JKM** (sehingga Julai 2020) adalah seramai 567,435 orang seluruh negara:
  - 37,673 OKU berdaftar dengan JKM di Sarawak.
11. Insentif PENJANA Kerjaya (*Hire Malaysia*) - Pengambilan Pekerja dalam kalangan golongan mudah terjejas termasuk OKU dan peserta Program Return to Work PERKESO
  - Bayaran RM1,000 dibayar kepada majikan sekiranya mereka mengambil OKU bekerja dan menepati syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.

12. Tidak dinafikan bahawa **peranan dan fungsi PDK amat penting** dalam menyediakan Pelatih kita untuk membangun dan boleh berdikari sebelum menyertai alam pendidikan dan pekerjaan.
13. Saranan kepada ibu bapa, ahli keluarga, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum di luar sana – **kepentingan pendaftaran OKU** ke atas anak-anak, ahli keluarga dan ahli komuniti yang memerlukan supaya dapat menikmati keistimewaan-keistimewaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada OKU berdaftar.
14. Disamping inisiatif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran mesra OKU - Saranan dan nasihat kepada ahli Keluarga dan Pelatih OKU:
  - OKU merupakan amanah daripada Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua.
  - memastikan penjagaan, pendidikan, latihan, perkembangan fizikal dan emosi dan pembangunan mereka agar tidak ketinggalan dalam setiap agenda dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.
15. **Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada PDK Sentuhan Kasih** atas usaha murni ini. Semoga usaha kalian dirahmati Allah SWT.

Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.

## KEISTIMEWAAN OKU

1. Pengecualian Cukai Jalan dan lesen memandu
  - untuk OKU Fizikal sahaja
  - Kereta, van, motosikal buatan tempatan sahaja
  
2. Kemudahan pengangkutan awam
  - Potongan harga sebanyak 50% diberikan kepada OKU dan warga tua yang berumur 60 tahun ke atas bagi semua bas ekspres (Mulai 20 Julai 2009)
  - MAS 50% penerbangan domestik – tidak termasuk pembelian secara atas talian (*online*)
  - KTM 50% bagi semua kelas
  
3. Program Pendidikan Khas / Integrasi / Inklusif
  
4. Bantuan Kewangan Pelajar OKU.
  - Elaun Murid Khas (EMK) RM150.00 sebulan kepada pelajar Sekolah Rendah dan Menengah oleh KPM. Diberikan kepada pelajar OKU yang mengikuti pengajian peringkat tertiar (Diploma ke atas) secara sepenuh masa di IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti.
  - Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (sepenuh masa) meliputi perbelanjaan bagi yuran pengajian dan wang saku yang kedua-duanya diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian.
  - Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (separuh masa/ pengajian jarak jauh) diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian meliputi perbelanjaan yuran pengajian sahaja.

5. Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas di Politeknik/Kolej Komuniti
  - Diberikan kepada pelajar OKU (kurang upaya Pendengaran) yang mengikuti program pendidikan khas (Sijil Kemahiran Khas) di politeknik terpilih.
  - Kadar bantuan adalah RM3,360/semester, mengambil kira bantuan yuran, sara hidup, penginapan dan alat bantuan belajar.
6. Saluran khas bagi pengambilan OKU di IPTA
  - Pengambilan pelajar OKU dibuat menerusi saluran khas (tanpa perlu bersaing dengan kategori biasa) yang hanya berdasarkan kelayakan minimum sahaja.
  - Penempatan universiti disesuaikan dengan kemudahan dan bidang yang disediakan oleh IPTA.
7. Pengecualian bayaran dan pembaharuan daftar syarikat
8. Kod amalan akses bagi OKU:
  - Bangunan baru wajib ada *ram* dan *railings*
  - Laluan yang bersesuaian dengan kerusi roda
  - Lif khas dengan reka bentuk yang sesuai
  - Tempat letak kereta, tandas khas dan sebagainya
9. Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan.
  - Pelepasan cukai berganda kepada majikan yang melatih dan mengambil pekerja OKU
  - Pelepasan cukai sebanyak RM6,000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU.
  - Pelepasan cukai sehingga RM6,000 bagi membeli alat-alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU.
  - Mulai 2005 pelepasan cukai diri sebanyak RM6,000 kepada OKU dan kepada pasangan OKU sebanyak RM3,500.
  - Pelepasan tambahan sebanyak RM8,000 bagi anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan mengikuti diploma ke atas di dalam Malaysia @ peringkat ijazah ke atas di luar Malaysia dalam kursus dan di IPT yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.
10. Kadar sewa rumah yang rendah oleh DBKL
11. Potongan harga 20 % pembelian rumah yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan/ Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
12. Pengecualian bayaran rawatan perubatan:
  - Bayaran wad kelas 3

- Bayaran pakar dan bayaran ubat di hospital kerajaan
13. Pengecualian bayaran Pasport Malaysia untuk perjalanan ke luar negara.
  14. Meningkatkan peluang pekerjaan OKU
    - Pekeliling Perkhidmatan Bil 16/2010: Dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya
    - Perkhidmatan pendaftaran pekerjaan secara atas talian (*online*)
  15. Geran galakan perniagaan OKU (SBGPOKU) oleh JTK (KSM)
    - Telah berniaga sekurang-kurangnya 3 bulan
    - Usia 18 tahun ke atas
    - Individu dan berkelompok
    - Geran berbentuk *one-off*
  16. Pengecualian duti import alat ganti alat tiruan/sokongan
  17. Pengecualian 100% duti eksais kenderaan OKU
    - OKU Fizikal, pendengaran dan pertuturan
    - Ada lesen memandu
    - Kereta nasional sahaja
    - Tidak boleh pindah milik atau jual selama 5 tahun kecuali dengan kebenaran Kem. Kewangan
    - Sebuah kereta setiap 5 tahun
  18. Pencen terbitan bagi anak penjawat awam yang telah meninggal dunia
  19. Waktu bekerja anjal bagi kakitangan awam untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak OKU
  20. Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang & Pakej Unifi OKU
  21. Diskaun / Potongan 50% yuran pengajian daripada Open University Malaysia (OUM), Wawasan University dan Asia e-University
  22. Bantuan Kewangan / Alat Sokongan JKM
    - Bantuan Am (bayaran bulanan berbeza mengikut negeri)
    - Elaun Pekerja Cacat (RM400 sebulan)
    - Bantuan bagi OKU yang Tidak Berupaya (BTB) (RM250 sebulan)
    - Bantuan Penjagaan OKU Terlantar (BPOKUT) (RM350 sebulan)
    - Geran Pelancaran (Maksimum RM2,700)

- Bantuan alat tiruan/sokongan (Mengikut harga yang ditentukan)
23. Pengecualian bayaran bagi **permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan SSM** berbentuk milikan tunggal atau perkongsian.
  24. Tempoh insentif pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan milik OKU secara percuma ini berkuat kuasa bermula 23 Oktober 2012 bagi tempoh satu tahun.
  25. Kemudahan mengikuti Institusi Pemulihan / Latihan OKU
    - Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
    - Pusat Latihan dan Pemulihan Perindustrian di Bangi
    - Taman Sinar Harapan (OKU Masalah Pembelajaran)
    - Bengkel Terlindung (OKU yang mampu bekerja tetapi tidak dapat bersaing dalam pasaran kerja)
  26. Pengecualian bayaran:
    - Bayaran membuat MyKad
    - Bayaran carian daftar kelahiran dan kematian
  27. Hadiah Sukan Negara bagi Atlet Paralimpik
  28. Tiket Zoo Negara secara percuma kepada OKU.
  29. Potongan harga 40% kemasukan ke Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT)
  30. Kad OKU sebagai Kad Diskaun (KPDHEP).



## SYARAT KELAYAKAN DAN KADAR BANTUAN SKIM OKU

### ELAUN PEKERJA CACAT (EPC)

#### KADAR

RM400 sebulan seorang

#### TUJUAN

Insentif ini diberikan untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

#### SYARAT KELAYAKAN

1. Warganegara, bermastautin dan bekerja di Malaysia;
2. Berumur 16 tahun ke atas;
3. Pemegang kad OKU JKM;
4. Pendapatan bulanan RM 1,200.00 dan ke bawah;

#### ATAU

5. Mana-mana kes yang berkeperluan, layak dipertimbangkan dengan kelulusan KPKM.

### BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA (BTB)

#### KADAR

RM250 sebulan seorang

#### TUJUAN

1. Membantu OKU yang tidak berupaya bekerja.
2. Menggalakkan OKU terus tinggal bersama keluarga.

#### SYARAT KELAYAKAN

1. Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
2. Berumur 16 tahun dan ke atas;
3. Pemegang Kad OKU JKM;
4. Tidak berupaya bekerja.
5. Pemohon **bukan** penghuni/ pelatih:
  - i. Institusi kendalian JKM; atau
  - ii. Pusat jagaan harian/ berkediaman yang menyediakan perkhidmatan/ kemudahan secara percuma; atau
  - iii. Pemulihan Dalam Komuniti (PDK);
6. Sumber kewangan bulanan individu OKU tidak melebihi kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) **Purata Miskin Per Kapita** Semasa.

#### ATAU

7. Mana-mana kes yang berkeperluan, layak dipertimbangkan dengan kelulusan KPKM.

#### **Nota:**

**Sumber kewangan seperti pencen/ perkeso/ bantuan dan lain-lain.**

Panduan menentukan OKU tidak berupaya bekerja.

Tafsiran tidak berupaya bekerja iaitu:

OKU tidak berupaya bekerja kerana kefungsiannya mereka yang terhad dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau persekitaran yang menghalang mereka akses kepada pekerjaan.

Terdapat tiga (3) kaedah dalam menentukan OKU tidak berupaya bekerja:

- i. Berdasarkan pemerhatian oleh Pegawai JKM bahawa OKU itu tidak berupaya bekerja.
- ii. OKU yang tidak mampu bekerja kerana faktor keluarga dan persekitaran boleh dirujuk untuk intervensi seperti *Job Coach*, PDK atau *return to work (PERKESO)* dan lain-lain.
- iii. Pengesahan Pakar Psikiatris bagi kes OKU Mental.

## BANTUAN PENJAGAAN OKU TERLANTAR/ PESAKIT KRONIK TERLANTAR (BPT)

**KADAR**

RM 350 sebulan seorang

### TUJUAN

1. Meringankan bebanan keluarga/ penjaga
2. Menggalakkan keluarga/ penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang OKU terlantar/ sakit terlantar/ sakit kronik.

### SYARAT KELAYAKAN

1. Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
2. Pemohon adalah **penjaga sepenuh masa**/ memberikan pejagaan rapi kepada OKU terlantar/ pesakit terlantar/ pesakit kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan;
3. Pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi **RM3,000**;
4. **ATAU** Mana-mana kes yang berkeperluan, layak dipertimbangkan dengan kelulusan KPKM.

### Panduan bagi menentukan OKU Terlantar/ Pesakit Terlantar/ Pesakit Kronik

#### Tafsiran Terlantar iaitu:

- i. Pesakit kronik atau pesakit terlantar iaitu sakit yang berkekalan, tidak boleh diubati atau dipulihkan sehingga hilang mata pencarian; atau
- ii. Terlantar iaitu boleh diubati atau dipulihkan dan memerlukan rawatan susulan namun menjejaskan mata pencarian; atau;
- iii. Mengidap penyakit kronik memerlukan penjagaan/ pengawasan yang berterusan.

Kaedah dalam menentukan OKU Terlantar/ Pesakit Terlantar/ Pesakit Kronik iaitu:

- i. Pengesahan Pegawai JKM; atau
- ii. Pengesahan Pegawai Perubatan.

## STATISTIK PENDAFTARAN OKU MENGIKUT NEGERI (SEHINGGA JULAI 2020)

Bil	Negeri	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	JOHOR	5,312	4,373	354	24,634	22,814	6,318	3,195	67,000
2	KEDAH	5,176	3,300	314	18,897	14,767	4,029	2,340	48,823
3	KELANTAN	3,653	2,522	260	12,408	15,361	4,466	2,056	40,726
4	MELAKA	1,914	2,268	118	10,173	8,744	1,996	837	26,050
5	N. SEMBILAN	1,975	1,849	90	10,414	8,323	2,098	1,285	26,034
6	PAHANG	2,978	1,989	199	12,151	12,060	2,073	1,612	33,062
7	PERAK	4,315	3,292	182	17,802	16,501	5,010	2,369	49,472
8	PERLIS	761	371	69	2,473	2,427	819	284	7,204
9	PULAU PINANG	3,340	2,567	117	13,803	9,892	2,088	1,252	33,059
10	SABAH	3,188	2,725	312	10,154	15,662	2,821	2,199	37,061
11	SARAWAK	4,399	2,595	227	10,809	13,654	4,412	1,577	37,673
12	SELANGOR	6,810	6,114	377	36,555	30,951	6,070	4,781	91,660
13	TERENGGANU	2,482	2,293	138	8,477	11,476	1,996	1,316	28,178
14	W.P. K.L.	3,777	3,051	129	15,818	12,769	2,767	1,346	39,657
15	W.P. LABUAN	134	83	25	459	899	93	83	1,776
	<b>JUMLAH</b>	<b>50,214</b>	<b>39,392</b>	<b>2,911</b>	<b>205,027</b>	<b>196,300</b>	<b>47,056</b>	<b>26,532</b>	<b>567,435</b>

## Pendaftaran OKU Mengikut Peringkat Umur Sehingga Julai 2020

Bil	Peringkat Umur	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	Kurang Dari 6 Tahun	304	544	11	2,277	6,347	2	1,341	10,826
2	6 - 12 Tahun	1,578	2,283	513	6,710	48,834	13	4,802	64,734
3	13 - 18 Tahun	2,218	2,394	517	6,807	47,549	102	3,203	62,791
4	19 - 21 Tahun	1,356	1,811	113	4,469	20,880	295	1,320	30,244
5	22 - 35 Tahun	7,609	8,014	429	29,025	48,033	8,334	5,199	106,643
6	36 - 45 Tahun	6,623	6,106	357	28,527	12,856	13,438	3,082	70,990
7	46 - 59 Tahun	13,024	8,244	553	57,941	9,207	16,961	3,930	109,860
8	60 Tahun Ke Atas	17,502	9,996	418	69,271	2,594	7,911	3,655	111,347
	<b>Jumlah</b>	<b>50,214</b>	<b>39,392</b>	<b>2,911</b>	<b>205,027</b>	<b>196,300</b>	<b>47,056</b>	<b>26,532</b>	<b>567,435</b>